



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 5 TAHUN 2009**

Kepada;

Semua Jabatan Negeri Selangor

Semua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

**PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 5
TAHUN 2009 - PERUBAHAN NILAI DAN TATACARA PENGURUSAN
PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal di Negeri Selangor mengenai perubahan nilai dan tatacara pengurusan perolehan secara sebutharga selaras dengan perubahan had nilai perolehan secara sebutharga daripada RM 200,000 kepada RM 500,000 bagi

bekalan, perkhidmatan dan kerja oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil 5 Tahun 2009.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Peraturan semasa telah menetapkan bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM 50,000 hingga RM 200,000 dan perolehan kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar bernilai melebihi RM 20,000 hingga RM 200,000 hendaklah dilaksanakan secara sebutharga.
- 2.2 Sebagai langkah untuk merangsang ekonomi Negara dan mempercepatkan pelaksanaan perolehan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu surat Pekeliling, iaitu SPP Bil 5 Tahun 2009 yang menaikkan had nilai perolehan secara sebutharga ini daripada RM 200,000 kepada RM 500,000.
- 2.3 Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menggunapakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009 – Perubahan Nilai dan Tatacara Perolehan Secara Sebutharga dan mematuhi peraturan-peraturan seperti **di lampiran 1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009.**

3.0 PEMAKAIAN SPP 5/2009 OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

3.1 Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menggunakan SPP 5/2009 dengan tambahan seperti berikut:-

- i. Semua perolehan Kerajaan Negeri hendaklah menggunakan senarai kontraktor yang berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN);
- ii. Sebarang perolehan yang bernilai di antara RM 500 ribu hingga RM 10 juta, ianya hendaklah dilaksanakan secara tender terhad khas untuk Bumiputera; dan
- iii. Perolehan secara tender terhad khas kepada Bumiputera hendaklah mendapat kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor.

4.0 PENGECUALIAN


4.1 Pengecualian daripada mana-mana peraturan perolehan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan 168.

5.0 PENGUATKUASAAN

5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHD. ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 7 Julai 2009